

KEJADIAN ribut kencang yang melanda Dungun menyebabkan sebanyak 64 buah rumah rosak manakala empat daripadanya rosak teruk di tumpa pokok. Ribut selama 30 minit bermula jam 6.40 petang itu turut menyebabkan atap Flat Bijangga turut rosak.

Pegawai Pembangunan Parlimen Dungun, Datuk Din Adam serta beberapa pemimpin turun padang bagi menyelami kasedihan mangsa sebelum meluluskan bantuan segera bagi membalik kerusakan kediaman mereka


Anggota daripada Unit Tindakan Khas Majlis Perbandaran Dungun terpaksa bekerja keras sehingga ke awal pagi bagi mengangkat dan membersih 17 pokok tumbang yang merintangi jalan bagi memastikan lalulintas kembali berjalan lancar.



SERAMAI 5,000 kakitangan Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Pejabat Tanah dan Daerah, Rela, Jabatan Pertahanan Awam, Bomba, penduduk kampung dan sebagainya menjayakan Gotong Royong Perdana yang dilaksanakan di kawasan Paka.

Majlis yang dirasmikan Pegawai Daerah Dungun, Mohd Yasin Awang turut dihadiri Yang Dipertua MPD, A Rahman Cho Ali serta Pegawai Pembangunan Parlimen Dungun, Datuk Din Adam.

Selain gotong royong, majlis juga turut disertai acara senamrobiik, cabutan bertuah dan sebagainya - Oleh Yati Abdul Rahman



FESTIVAL HALAL THAI TARIK 10,000 PENGUNJUNG



FESTIVAL Halal Thai Dungun 2015 yang burlangsung di Padang Astaka menerima sambutan mengalakkannya daripada 1,500 penduduk sekitar mengunjungi festival itu setiap hari.

Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Mohd Iskandar Mohamad Aziz berkata, Festival berlangsung selama 12 hari itu mencatat hasil jualan kira-kira RM140,000 sehari.

Menurutnya, festival usaha sama MPD dengan Unit Warisan Desa Dungun itu bertujuan memperkenalkan keunikan masakan Thailand sekali gus membantu usahawan tempatan dan luar meraih pendapatan.

"Terdapat 70 gerai makanan di mana 30 daripadanya memperagakan makanan asli Thailand, manakala selebihnya pula hidangan tempatan," katanya.

Beliau berkata, sepanjang seminggu berlangsung, dianggarkan seramai 10,000 hadir dan setiap gerai jualan memperolehi hasil jualan sekitar RM2,000 sehari dengan purata setiap hidangan berharga RM5.

"Sekiranya hasil jualan sebanyak RM140,000 sehari, bermakna purata jumlah keseluruhan mencecah RM1.2 juta sepanjang 12 hari festival itu berlangsung dan festival yang dianjurkan itu adalah kesinambungan program dianjurkan di Kuala Terengganu sebelum ini dan boleh dikatakan mendapat reaksi positif penggemar masakan dari negara jiran itu.

"Pelbagai makanan tradisi Thailand yang dipamerkan, secara tidak langsung membantu usahawan mempromosikan produk mereka dengan lebih meluas. Selain makanan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan termasuk persembahan kebudayaan dan seni rupa.

KERAJAAN BELANJA RM 73 JUTA

KERAJAAN Negeri Terengganu memperuntukkan sebanyak RM73 juta pada tahun hadapan untuk melaksanakan kerja-kerja kontak kebersihan dalam usaha menjadikan Terengganu sebagai negeri terbersih.

Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Bazlan Abdul Rahman berkata, peruntukan itu termasuk kerja mengangkat sampah serta kerja-kerja membersih longkang, penyapuan dan memotong rumput.

Katanya, pada tahun ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35 juta namun peruntukan itu terpaksa ditambah tahun hadapan berikutan perlambahan kawasan perumahan dan sebagaimana.

"Kerajaan mendapati banyak perlambahan kawasan perumahan dan kediaman penduduk oleh sebab itu kita terpaksa membolanjakan peruntukan yang lebih," katanya ketika merasmikan majlis penutup Sukan Kerajaan Tempatan (SKT) di Arena Merdeka, malam tadi.


Turut hadir, Ketua Penolong Seliausaha Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Mat Azmi Arshad, Yang Dipertua Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Datuk Mohamad Kamil Othman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun, A Rahman Che Ali, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman, Rosman Roslan, Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu, Rosdi Awang serta Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu, Ibrahim Mohamad.

Juara keseluruhan SKT itu dimenangi pasukan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu diikuti Dungun dan Kemaman diumunkan sebagai naib johan bersama, sebanyak 150 hadiah cabutan bertuah disampaikan kepada pemenang bortuah.

Bazlan berkata, kerajaan negeri turut memperuntukkan sebanyak RM7 juta untuk pertandingan kebersihan di semua kampung di negeri ini sebagai memberi dorongan masyarakat lunut serta membantu kerajaan menjaga kebersihan kediarnari dan kampung mereka.

"Kerajaan negeri juga menekankan pada aspek kebersihan tandas awam bertaraf lima bintang dengan mengeluarkan peruntukan membina baru, membaiki dan menaiktaraf tandas awam supaya bertambah bersih dan selesa kepada pengguna.

Kerja-kerja menaiktaraf itu akan dibuat secara berperingkat dari masa ke semasa dan kerajaan mensasarkan kesemua tandas awam di negeri ini bertaraf lima bintang dalam tempoh terdekat," katanya. - Oleh Zubir Mamat.





ALBUM RAYA



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Majlis Perbandaran Dungun

30 Julai 2015 (Khamis)
10.30pg - 2.00ptg
Perkarangan Pejabat MPD

Dijemput Beramai-Ramai...

